

23 JAN 1998

Ling-Lapangan terbang

PEMBESARAN LAPANGAN TERBANG KELANTAN TAHUN INI

KOTA BAHARU, 23 Jan (Bernama) -- Kerajaan pusat telah meluluskan kerja pembesaran serta peningkatan kemudahan di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di Pengkalan Chepa untuk dilaksanakan tahun ini.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Leong Sik berkata, projek itu akan membolehkan lapangan terbang itu menampung sebanyak 1.5 juta penumpang setahun berbanding 600,000 penumpang kini.

"Kosnya belum ditentukan lagi. Tetapi pelan pembesaran dan kemudahan yang akan dipertingkatkan itu telah disediakan," katanya pada persidangan berita di lapangan terbang itu di sini hari ini.

Lapangan terbang yang berusia 50 tahun itu, mengendalikan minimum 12 penerbangan sehari dengan 500,000 kilogram muatan kargo setahun.

Dr Ling berkata, pembesaran lapangan terbang itu akan memberi lebih keselesaan kepada penumpang dan mampu menampung jumlah kapasiti penumpang yang tinggi sehingga tahun 2020.

Beliau berkata, projek pembesaran lapangan terbang itu telah dipersetujui oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan masalah ekonomi yang melanda negara sekarang tidak menghalang usaha berkenaan.

"Keselesaan penumpang adalah mustahak di lapangan terbang ini, oleh itu kita hentikan projek lain, kita buat projek yang lebih mustahak ini," katanya.

Dr Ling berkata, usaha untuk memberi keselesaan kepada penumpang di lapangan terbang itu adalah sebahagian daripada usaha Barisan Nasional untuk menjaga kepentingan rakyat termasuk di Kelantan.

Oleh itu beliau berharap kerajaan negeri Kelantan pimpinan Pas akan memberi kerjasama sepenuhnya dalam usaha untuk memperbesarkan lapangan terbang itu. -- BERNAMA

BD NMO